

# Bumiputera masih ketinggalan

## Kaum Cina dapat faedah terbesar biar apa saja projek dilaksanakan

Oleh Roslan Mohd Latif

**P**ELBAGAI pendekatan diguna pakai dalam mengukur kekayaan sesuatu kaum. Ekuiti seperti yang dikemukakan Institut Kajian Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) hanya sebahagian daripada petunjuk tetapi tidak memberi gambaran sebenar kekayaan kaum yang diperolehi daripada upah buruh, sewaan dan keuntungan daripada perniagaan.

Kita juga perlu melihat pendapatan perkapita setiap kaum, purata perbelanjaan setiap isi rumah. Secara kasar kekayaan diukur dari segi nilai harta sebenar yang dimiliki setiap individu selepas ditolak segala perbelanjaan asas seperti makan minum, rumah, pakaian, pengangkutan dan persekolahan.

Berbanding kaum lain, Bumiputera masih pada peringkat paling bawah, sekadar memenuhi keperluan asas berbanding Cina dalam klasifikasi sosial di mana mereka mampu berkereta mewah, tinggal di banglo dan kondominium di kawasan elit selain mampu menghantar anak ke sekolah swasta dan antarabangsa.

Mereka juga mampu mendapatkan rawatan di Hospital Glenagles, Ampang Puteri atau Subang Jaya Medical Centre berbanding Bumiputera yang terpaksa berhimpit di hospital kerajaan, tanpa insurans perubatan. Kaum Cina juga mampu berbelanja di Starhill, Lot 10, One Utama atau di Oxford Street berbanding Bumiputera yang menjadi pelanggan setia Pasaraya Mydin. Setiap petang mereka berehat di DOME, Starbucks atau Coffee Beans, berbanding orang Melayu yang lepak di kedai mamak 24 jam.

Kalaupun bandar di negeri Melayu seperti Kota Bharu, Kuala Terengganu, Alor Star atau Kangar dijadikan ukuran kekayaan Bumiputera berbanding kaum Cina dari segi rumah kedai, bangunan pejabat, premis perniagaan serta aktiviti perniagaan, samalah membandingkan Pekan Rabu dengan Mid Valley.

Ini belum mengambil kira bandar seperti Georgetown, Ipoh, Taiping, Kuala Lumpur, Klang, Seremban, Melaka, Batu Pahat atau Johor Bahru yang mana milik Bumiputera tidak sampai 11 peratus.

Kajian Yayasan Strategik Sosial (April 2004) menyatakan 48 peratus daripada 15.35 juta Bumiputera atau seramai 7.4 juta orang berada pada kedudukan terbawah klasifikasi sosial berbanding 21 peratus Cina dan 39.6 peratus India. Hanya sekitar 13 peratus atau 1.99 juta berada di kelompok teratas berbanding 34 peratus Cina dan 20 peratus India.

Berdasar kepada purata kebangsaan sekitar 18.9 peratus Bumiputera berada 10 peratus di bawah kaum Cina atau 5.9 peratus di bawah kaum India bagi kumpulan teratas. Bagi kumpulan pertengahan seramai 5.98 juta orang atau 39 peratus adalah Bumiputra berbanding 45 peratus Cina dan 50 peratus India.

Purata kebangsaan sekitar 41.4 peratus meminjam istilah Prof Dr Shamsul dari UKM, hampir 50 peratus Bumiputera dikategorikan 'miskin', 39 peratus dikira 'sederhana' dan hanya 13 peratus dikira 'senang' dan sebahagian kecil 'kaya' berbanding 34 peratus Cina di dalam kategori 'senang' dan 'kaya'.

Antara 1970 dan 1983, ekuiti Bumiputera meningkat sebanyak 15.5 peratus daripada 2.5 peratus pada 1970 kepada 18 peratus pada 1983. Selain daripada penubuhan pelbagai agensi seperti Mara, SEDC dan beberapa agensi lain termasuk Pemas dan PNB.

Pada 1980 hingga 1983, ekuiti Bumiputera naik kepada 18 peratus tetapi ekuiti kaum Cina naik ke 47 peratus melepasi sasaran 40 peratus yang sepatutnya dicapai pada 1990, membuktikan DEB sedikit pun tidak menjelaskan kaum lain.

Salah satu penyumbang kemerosotan ini ialah akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia, bertambahnya sekatan perdagangan, meningkatnya inflasi, kadar peng-

INTI PATI

- **Bumiputera masih pada peringkat paling bawah, sekadar memenuhi keperluan asas berbanding Cina di dalam klasifikasi sosial.**
- **Kegagalan mencapai sasaran DEB adalah kurangnya kerjasama dari sesetengah peniaga Cina terutama dalam bidang PKS**
- **Dalam agensi seperti Felda dan Tabung Haji, kaum Cina juga mendapat faedah di dalam mendirikan kilang, membekal peralatan kilang dan aktiviti berkaitan**
- **Selepas sektor pengangkutan dibuka seluas-luasnya, sektor itu kembali dimonopoli kaum Cina.**

anggaran yang tinggi serta dasar kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan dan hutang luar negara.

Akibatnya, kemiskinan luar bandar meningkat daripada 37.4 peratus pada 1980 kepada 41.6 peratus pada 1983. Oleh kerana 70 peratus penduduk luar bandar adalah Bumiputera, merekalah yang menerima akibat paling teruk. Antara 1983 dan 1990, ekuiti Bumiputera meningkat sebanyak 2.3 peratus iaitu daripada 18 peratus pada 1983 kepada 20.3 peratus pada 1990. Yang menyedihkan lagi, antara 1988 ke 1990 kenaikan hanya 0.9 peratus iaitu dari 19.4 peratus kepada 20.3 peratus. Pada masa yang sama modal Cina meningkat 12.3 peratus daripada 32 peratus pada 1988 kepada 44.9 peratus pada 1990.

Faktor lain yang menyebabkan kegagalan mencapai sasaran DEB adalah kurangnya kerjasama daripada sesetengah peniaga Cina terutama dalam bidang PKS yang menganggap sesetengah akta yang dilulus menghalang perkembangan perniagaan mereka. Contohnya Industrial Coordination Act (ICA) yang dilulus pada tahun 1975 mensyaratkan syarikat bukan Bumiputera dengan modal berbayar RM100,000 dengan sekurang-kurangnya 25 pekerja penuh masa perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti kepada Bumiputra tetapi atas desakan Dewan Perniagaan Cina dinaikkan kepada RM250,000.

Tetapi ramai daripada pengusaha PKS ini mengekalkan modal mereka di bawah RM250,000 bagi mengelak daripada Akta. Seterusnya dinaikkan hingga RM2.5 juta pun tidak dapat dilaksanakan, di mana jurang yang begitu besar dapat dilihat hingga ke hari ini.

Antara 1989 dan 1996, ekonomi negara berkembang pada kadar 9.5 peratus. Malangnya ekuiti Bumiputera hanya meningkat sebanyak 14 peratus daripada 19.2 peratus pada akhir 1990 kepada 20.6 peratus pada akhir 1995. Ekuiti kaum Cina turun daripada 45.5 peratus kepada 40.9 peratus. Walaupun Malaysia dianggap sebagai Harimau Baru Asia (East Asia Tiger Economies) tumpuan keterlaluan kepada projek mega menyebabkan 'overheating'. Kerancakan pasaran saham di BSKL menjadikan seolah-olah tempat perjudian.

Ramai antara ahli perniagaan Cina yang mendapat faedah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dikawatiri kaum Cina boleh menjejaskan pemilikan ekuiti kaum mereka. YTL misalnya mendapat kemudahan RM1.5 bilion dari EPF bagi membina IPP yang mana kuasa elektrik yang dijana dijual kepada TNB bagi jangka masa agak lama. Ting Pek Khiang mendapat RM6 bilion membina projek Bakun disamping berbagai projek lain. Tong Kooi Ong diberi lesen stockbroking disamping Phileo Allied Bank.

Malah, apa saja dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk kaum Bumiputera, kaum Cina yang mendapat faedah terbesar.

Memang benar majoriti kontrak diberi kepada syarikat Bumiputera seperti sektor pembinaan, pengangkutan, teksi, AP serta kontrak pembekalan, syarikat Bumiputera sekadar menerima sekitar 2-10 peratus 'gross profit', sedangkan selebihnya kembali ke tangan peniaga Cina. Contohnya kontrak membina bangunan bernilai RM100 juta, ditolak kerja asas, bekalan simen, besi serta bahan binaan lain, lazimnya syarikat Bumiputera hanya menerima sekitar 2-3 peratus dari nilai kontrak. Malah, ada juga kontraktor Cina yang memegang hingga 20 lesen kelas F.

Selepas sektor pengangkutan dibuka seluas-luasnya, kalau dulu hanya lima atau enam syarikat kontena yang beroperasi, tetapi sekarang selepas lebih 60 lesen baru dikeluarkan sektor itu kembali dimonopoli kaum Cina. Ia disebabkan modal yang tinggi untuk memulakan perniagaan. Akhirnya syarikat seperti Century, Bintang, Tiong Nam atau Integrated lebih terkehadapan berbanding syarikat milik Bumiputera termasuk Kontena Nasional, Konsortium Perkapalan atau MISC Haulage. Jadi kalau kaum Cina yang mendapat keuntungan lebih besar berbanding kaum Bumiputera, perlukah mereka mempertikalkan dasar yang dilaksanakan kerajaan.

Malah, agensi seperti Felda, Tabung Haji juga kaum Cina yang mendapat faedah di dalam mendirikan kilang, membekal peralatan kilang dan aktiviti berkaitan. Dalam beberapa projek mega seperti Menara Berkembar Petronas, Syarikat Cina yang mendapat kontrak besar seperti Ireka, YTL, Muhibbah, Ekovest, Artlan berbanding kontraktor Bumiputera seperti Mat Top yang hanya layak mendapat kontrak membersihkan jalan masuk ke tempat kerja. Begitu juga pembinaan Putrajaya selain AZRB yang mendapat kontrak berbanding syarikat Cina?

Diukur daripada hak milik modal saham (pada nilai par) syarikat berhad pada 2004, Bumiputera jauh ketinggalan di beberapa sektor terutama pembuatan, perdagangan barang dan runcit, perkhidmatan dan pertanian berbanding kaum Cina. Pada sektor pembuatan, pemilikan modal saham Bumiputera sekitar 8.1 peratus berbanding 25.3 peratus bagi kaum Cina.

Sektor perdagangan borong dan runcit, modal Bumiputera hanya sekitar 20.4 peratus berbanding 53.3 peratus kaum Cina. Contohnya di 700,000 syarikat berdaftar dengan ROC, lebih 90 peratus adalah PKS yang menyumbang 27 peratus daripada keluaran sektor pembuatan. Daripada jumlah itu, 75 peratus adalah syarikat milik kaum Cina di mana pada 2005 mencecah RM152.7 bilion.

Pada 2005, sektor perdagangan pengepangan mencatat jumlah jualan sebanyak RM206 bilion di mana pembabitan Bumiputera hanya sekitar RM40 bilion. Malah, dari sejumlah 550 kompleks beli-belah, 297,000 unit kedai, 81 hypermarket, Bumiputera hanya memiliki sekitar 11 peratus.

Antara 2001-2005 daripada sejumlah 884,043 buah rumah yang dibina sektor swasta membina sebanyak 655,374 unit dan 188,669 oleh sektor awam. Daripada jumlah ini, rumah kos rendah sebanyak 200,513 unit berbanding 83,910 kos sederhana rendah, 252,121 kos sederhana dan 297,484 kos tinggi. Dari jumlah ini hanya 22,510 dibina oleh sektor awam khususnya di Putrajaya bagi kegunaan kakitangan awam berbanding 274,973 yang dibina oleh sektor swasta dan 80 peratus dimiliki bukan Bumiputera. Daripada 30 syarikat pemaju hartanah terkemuka hanya tiga pemaju Bumiputera - MK Land, Glomac dan Nairn Cendera dan lima lagi milik institusi Bumiputera.

Agak menghairankan bagaimana Asli dan NGO kaum Cina masih mempersoalkan peratus kemasukan kaum Cina ke IPTA sedangkan selepas dasar meritokrasi dilaksanakan sepenuhnya, peratus pemohon Cina yang berjaya ke IPTA jauh lebih tinggi dari kaum Bumiputera. Contohnya, bagi kemasukan 2004/5 hanya 46.94 peratus pemohon Bumiputera berjaya ke IPTA ber-

banding 78.92 peratus calon kaum Cina. Kemasukan 2005 6 peratus kaum Cina yang diterima ialah 73.98 peratus berbanding Bumiputera 57.81 peratus dan India 50.45 peratus. Tahun kemasukan 2006/7 hanya 59.46 peratus calon Bumiputera yang diterima ke IPTA berbanding 75.99 peratus kaum Cina dan 53.29 peratus India.

Mungkin dari segi bilangan menunjukkan Bumiputera lebih daripada kaum lain berdasarkan kepada jumlah pemohon Bumiputra hampir tiga kali ganda berbanding pemohon kaum Cina. Contohnya lebih 60,000 (Bumiputera) berbanding 16,000 (Cina) dan 6000 (India) bagi keamsukan 2004/5. Begitu juga bagi kemasukan 2006/2007, 50,000 pemohon Bumiputra berbanding 19,000 pemohon Cina. Kenapa sudah jelas lagi bersuluh.

Kenapa tidak dipersoalkan bilangan pelajar di institusi swasta yang lebih daripada 340,000 pelajar di mana hanya sekitar 20 peratus pelajar Bumiputera. Kenapa tidak dipersoal bilangan pelajar perubatan dan farmasi di tujuh buah kolej swasta yang mengeluarkan bilangan doktor dan ahli farmasi jauh lebih ramai dari yang dikeluarkan oleh IPTA tempatan.

Malah, bilangan pelajar Malaysia di luar negara kembali kepada keadaan sebelum tahun 1970 nisbah pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera hanya sekitar 10,000 berbanding 60,000 bukan Melayu. Malah, di Amerika Syarikat hanya sekitar 600 atau 700 berbanding lebih 6000 pelajar bukan Bumiputera - di Britain sekitar 5,000 berbanding lebih 10,000 pelajar kaum Cina.

Sehingga akhir 2005 terdapat 11 universiti swasta, 11 kolej universiti swasta, lima kampus cawangan dan 532 kolej swasta yang mengendalikan pelbagai kursus di peringkat sijil hingga ke peringkat PhD. Malah kelulusan Universiti Wawasan untuk Parti Gerakan dan dengan pembesaran kampus UTAR serta kebebasan yang diberi kepada kolej swasta seperti Han Chiang College, Southern College, New Era College, kaum Cina bebas mendapat pendidikan dalam Bahasa Mandarin pada peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat PhD melalui program berkembar dengan universiti di Taiwan dan China, tanpa melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan sekadar cukup dengan sijil sekolah Cina.

Tidak dapat dinafikan selepas 36 tahun DEB dan DPN dilaksanakan, kadar kemiskinan dapat diturunkan. Pembabitan Bumiputera dalam pelbagai bidang terutama pendidikan meningkat dengan baik berbanding sebelum DEB. Bagaimanapun, memandang lebih 65 peratus penduduk luar bandar terutama di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis rata-rata kaum Bumiputera adalah sukar untuk kumpulan ini bersaing dengan penduduk bandar yang lengkap dengan segala kemudahan.

Jika diambil pendapatan isi rumah bulean purata dan kadar kemiskinan mengikut negeri ternyata Kelantan, Pahang, Terengganu termasuk Kedah dan Perlis berada di bawah purata Nasional (RM3,249) berbanding Kelantan (RM1,829), Terengganu (RM1,984), Pahang (RM2,410), Kedah (RM2,126) dan Perlis (RM2,046). Malah, kadar kemiskinan di Kelantan (10.6 peratus), Terengganu (15.6 peratus) dan Perlis (6.3 peratus lebih tinggi daripada purata kebangsaan sekitar 5.7 peratus

Situasi ini akan mewujudkan suasana tidak seimbang di mana sebahagian rakyat Malaysia yang tinggal di bandar, terutama kaum Cina yang sudah lama menikmati kemudahan dalam segala bidang sejak dari zaman British lagi berada di dalam 'comfort zone' sedangkan majoriti rakyat khususnya kaum Bumiputera luar bandar terutama di pedalaman Terengganu, Kelantan, Pahang, Perlis, Kedah, Sabah dan Sarawak masih jauh ketinggalan.

**Penulis adalah Presiden Alumni Melayu Amerika Utara (ALMA) E-mel: roslan\_latif@yahoo.com.**